



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 17 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TIDUR DI RUANG TAMU, NURUL AIN MASIH TRAUMA - BAPA	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1177546/tidur-di-ruang-tamu-nurul-ain-masih-trauma-bapa">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1177546/tidur-di-ruang-tamu-nurul-ain-masih-trauma-bapa</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	'SOCIAL MEDIA TOOLS CAN HAVE POSITIVE EFFECTS ON SEX EDUCATION'	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/16/social-media-tools-can-have-positive-effects-on-sex-education">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/16/social-media-tools-can-have-positive-effects-on-sex-education</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	'START SEX EDUCATION EARLY'	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/16/start-sex-education-early">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/16/start-sex-education-early</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PROTECTING CHILDREN FROM SEXUAL EXPLOITATION, ABUSE AND VIOLENCE — SALMA FARHANAH	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2023/11/16/protecting-children-from-sexual-exploitation-abuse-and-violence-salma-farhanah/102391">https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2023/11/16/protecting-children-from-sexual-exploitation-abuse-and-violence-salma-farhanah/102391</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/471981">https://www.themalaysianinsight.com/s/471981</a>	THEMALAYSIANINSIGHT.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>STRICT REGULATIONS NEEDED TO CURB INCIDENTS OF KIDS LEFT UNATTENDED IN VEHICLES</b>	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/strict-regulations-needed-to-curb-incident-of-kids-left-unattended-in-vehicles/">https://www.newsarawaktribune.com.my/strict-regulations-needed-to-curb-incident-of-kids-left-unattended-in-vehicles/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>FATIMAH: SARAWAK TO HAVE SPECIAL NEEDS CENTRE IN SAMARAHAN</b>	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/11/16/fatimah-sarawak-to-have-special-needs-centre-in-samarahan/">https://www.theborneopost.com/2023/11/16/fatimah-sarawak-to-have-special-needs-centre-in-samarahan/</a>	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>406 MANGSA DI KEDAH DAN PERAK PAGI INI</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/406-mangsa-di-kedah-dan-perak-pagi-ini-x8po42k">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/406-mangsa-di-kedah-dan-perak-pagi-ini-x8po42k</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>HIDUP DENGAN RM500 SEBULAN SAHAJA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/16/hidup-dengan-rm500-sebulan-sahaja/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=hidup-dengan-rm500-sebulan-sahaja">https://www.kosmo.com.my/2023/11/16/hidup-dengan-rm500-sebulan-sahaja/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=hidup-dengan-rm500-sebulan-sahaja</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BAN PECAH PUNCA BANJIR TERMENUNG DI HILIR PERAK - SAARANI</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/686708">https://www.malaysiakini.com/news/686708</a>	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>PENCABUL KANAK-KANAK OTAK GILA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/16/pencabul-budak-bagai-duri-dalam-daging/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/16/pencabul-budak-bagai-duri-dalam-daging/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>KEMAHIRAN INSANIAH PERKASA ANAK MUDA KE ARAH MASA DEPAN CEMERLANG</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/11/1177598/kemahiran-insaniah-perkasa-anak-muda-ke-arrah-masa-depan-cemerlang">https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/11/1177598/kemahiran-insaniah-perkasa-anak-muda-ke-arrah-masa-depan-cemerlang</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>BENDUNG DISKRIMINASI TERHADAP WANITA DALAM SUKAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/11/1030843/bendung-diskriminasi-terhadap-wanita-dalam-sukan">https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/11/1030843/bendung-diskriminasi-terhadap-wanita-dalam-sukan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2245193">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2245193</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>KEMAS SASAR 100,000 KANAK-KANAK HUFFAZ CILIK, MENJELANG 2026</b>	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/kemas-sasar-100-000-kanak-kanak-huffaz-cilik-menjelang-2026">https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/kemas-sasar-100-000-kanak-kanak-huffaz-cilik-menjelang-2026</a>	BERITA.RTM.GOV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

17/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	'SAYA LEGA AYAH DITANGKAP, AKHIRNYA DAPAT JUGA PENGAJARAN' - MANGSA ROGOL, CABUL BAPA KANDUNG	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1177929/saya-lega-ayah-ditangkap-akhirnya-dapat-juga-pengajaran-mangsa-rogol">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1177929/saya-lega-ayah-ditangkap-akhirnya-dapat-juga-pengajaran-mangsa-rogol</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PENGANGGUR CABUL ANAK KANDUNG DIPERINTAH BELA DIRI	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/223648/penganggur-cabul-anak-kandung-diperintah-bela-diri/">https://www.dailyexpress.com.my/news/223648/penganggur-cabul-anak-kandung-diperintah-bela-diri/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



TAJUK : BAPA DIJEL 702 TAHUN, 287 SEBATAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 NOV 2023

M/SURAT : 05

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## NODA, CABUL ANAK KANDUNG

# Bapa dijel 702 tahun, 287 sebat

Oleh Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my

### Muar

**S**aya lega bila ayah ditangkap, saya geram perbuatan ayah pada saya, saya benci, stress (tertekan) dan kesal. Ayah akhirnya dapat juga pengajaran.

Itu antara warkah kekecewaan ditulis tiga beradik yang menjadi mangsa rogol dan cabul bapa kandung mereka yang dibacakan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menyebabkan suasana menjadi sayu seketika.

Ketiga-tiga adik-beradik itu yang kini berusia 12, 17 dan 18 tahun, menjadi hamba seks bapa kandung sejak 2012 dengan kali terakhir pada Jun tahun ini menyebabkan seorang daripada mereka hamil tujuh bulan.

Warkah itu dibaca pihak pendakwaan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 702 tahun serta 287 sebatan selepas tertuduh mengaku ter-



TERTUDUH dijatuhkan hukuman penjara 702 tahun serta 287 sebatan selepas mengaku terhadap semua 34 pertuduhan dikenakan ke atasnya.

hadap semua 34 pertuduhan dikenakan ke atasnya.

Tertuduh berusia 41 tahun yang juga pengait kelapa sawit membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca kali kedua oleh jurubahasa mahkamah.

Daripada kesemua 34 pertuduhan itu, 20 daripadanya

membabitkan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan, Seksyen 14 (a) dan 14 (b) masing-masing satu dan 10 pertuduhan manakala Seksyen 377D, tiga pertuduhan.

Mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 28 tahun dan 10

sebatan bagi setiap pertuduhan; Seksyen 14 (a) dan 14 (b) lima tahun dan tiga sebatan dan Seksyen 377D, dua tahun.

Bagi Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, iaitu tambahan seksyen hukuman bagi kesalahan rogol dan amang sek-

sual, tertuduh berhadapan 27 pertuduhan dengan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Dalam penghakimannya, Abu Bakar berkata, tertuduh sebagai bapa sepatutnya melindungi anak-anak dan bukan melakukan perbuatan sedemikian.

"Saya tahu kamu menyayangi anak-anak, tapi kenapa kamu buat macam ini? Ini (perbuatan merogol dan cabul) bukan cara kamu sayang pada anak.

"Melihat kepada fakta kes yang dibacakan, mahkamah tak boleh bayangkan. Ini anak, anugerah Allah SWT yang mana kamu sepatutnya melindungi, bukan melakukan sedemikian," katanya.

Terdahulu, pihak pendakwaan diketuai Daniah Munir memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal memandangkan tertuduh tidak menunjukkan keinsafan terhadap perbuatan dilakukan.

Hujahnya, kejadian berlaku sejak mangsa berusia enam dan tujuh tahun ma-

lah terdapat juga elemen paksaan, kekerasan serta ugutan terhadap mangsa.


"Tiada keinsafan terhadap tertuduh malah sanggup mengulangi perbuatan keji itu antara dua hingga lapan kali seminggu," katanya.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan tertuduh yang tidak diwakili peguam, mahkamah memutuskan hukuman penjara berjalan secara serentak kecuali sebatan.

Ini bermakna, tertuduh hanya perlu menjalani hukuman penjara 38 tahun serta 287 sebatan namun Seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan maksimum sebatan adalah 24 kali.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz dilaporkan berkata, kes seumpama ini perlu dijadikan pengajaran pada ibu bapa supaya kejadian sama tidak berulang.

"Laporkan salah laku seksual dan kami sentiasa komited untuk membawa individu terbabit ke muka pengadilan," katanya.



TAJUK : NELAYAN DITUDUH CABUL ANAK DARA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Nelayan dituduh cabul anak dara

*Bapa nafi laku kelucahan melampau dalam bilik*

Oleh Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Seorang nelayan didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan mencabul anak perempuannya pada 20 Oktober lalu.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 44 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Ahmad Syafiq Aizat Nazri.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan kelucahan melampau terhadap anak perempuan yang juga anak luar nikahnya berusia 20 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di bilik di sebuah rumah di Jalan Kuala Besar di sini, jam 4 petang, pada 20 Oktober 2023.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 377D (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Aiman Syahmi Yazid, manakala tertuduh diwakili peguam daripada

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Ariyani Mohd Amin.


Terdahulu, Muhammad Aiman Syahmi mencadangkan jaminan RM5,000 dengan dua syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu mangsa dan saksi sehingga kes selesai.

Sementara itu, Ariyani memohon jumlah jaminan itu dikurangkan kerana tertuduh bekerja sebagai nelayan yang menanggung isteri dan empat anak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 16 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula.



**TERTUDUH** didakwa di Mahkamah Majistret Kota Bharu atas tuduhan mencabul anak perempuan berusia 20 tahun.



TAJUK : TWO FAMILIES MADE HOMELESS AFTER FIRE DESTROYS HOUSE IN NIAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 17 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Two families made homeless after fire destroys house in Niah

**MIRI:** Ten people from two families were left homeless yesterday after a fire destroyed a double-storey house in Suai, Niah.

No injuries or casualties were reported in the incident.

Batu Niah fire station chief Rary Binjie in a statement said they received a distress call on the fire at 3.26pm.


"Upon receiving the call, a team of nine personnel rushed to the scene located 10km from the station.

"At the scene, the operation commander reported that the fire involved a semi-permanent double-storey house which was already 80 per cent destroyed," he said, adding the fire was extinguished at 5.20pm.

The cause of fire and estimated losses are still under investigation.



Handout photo shows firefighters putting out the last of the fire.



TAJUK :	PROGRAM INTERVENSI KESIHATAN HFMD DIJAYAKAN DI TIGA TADIKA, SEBUAH TASKA		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	17 NOV 2023	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Program Intervensi Kesihatan HFMD dijayakan di tiga tadika, sebuah taska

**SRI AMAN:** Unit Promosi Kesihatan (UPK) Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman telah mengadakan Program Intervensi Kesihatan mengenai Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) di tiga tadika dan sebuah taska di sini, semalam.

Tiga tadika yang terlibat adalah Tadika Methodist Sri Aman, Tadika Sri Simanggang dan Tadika MRC 3Q Sri Aman serta Taska Santo Innocente Sri Aman.

Pegawai Pendidikan Kesihatan Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman Zaifa Johari berkata, berikutan penyakit HFMD menunjukkan trend peningkatan sejak akhir-akhir ini, pihaknya telah mengambil langkah pencegahan awal untuk membendung penyakit ini daripada terus merebak menerusi program intervensi di lokasi terpilih.

“Pendedahan berkenaan dengan jangkitan ini perlu kita kongsi bersama dengan masyarakat terutamanya dengan kanak-kanak tabika dan taska serta pelajar sekolah sebagai salah satu langkah awal untuk

mencegah daripada dijangkiti penyakit ini,”ujarnya kepada Utusan Borneo.

Katanya, para guru dan kanak-kanak didedahkan dengan cara penjagaan kebersihan persekitaran dan diri untuk mencegah penyakit HFMD.

“Pihak kita turut membuat demonstrasi mencuci tangan dengan cara yang betul dan juga mengedarkan risalah mengenai penyakit rabies, denggi, batuk kokol dan juga pelbagai maklumat kesihatan lain turut diperluaskan agar sentiasa berjaga-jaga dalam menangani wabak penyakit berjangkit,” jelasnya lanjut.

Dalam pada itu katanya, beliau bersama Pasukan UPK turut memperhebat Program Intervensi Pendidikan Penyakit Demam Denggi ke beberapa lokasi yang telah dilanda wabak demam denggi di sekitar Sri Aman dan juga Lubok Antu.

“Tumpuan pasukan kami kali ini bukan hanya kepada kawasan yang telah dilanda penyakit berkenaan, malah kami turut memberikan penerangan berkenaan dengan bahayanya penyakit ini

ke kawasan yang selamat dari penyakit berkenaan.

“Ini bermakna kawasan yang selamat atau kawasan yang tiada berlakunya serangan wabak ini juga perlu bersiap sedia atau berjaga-jaga dari serangan penyakit berbahaya ini,”ujarnya lagi.

“Sekarang ini adalah musim Monsun Timur Laut (MTL) atau musim hujan, sudah pasti nyamuk aedes ini suka dengan tempat yang bertakung dan tempat yang sejuk untuk membiak,”jelasnya.

“Tindakan atau langkah pencegahan yang perlu anggota masyarakat ambil ialah sentiasa memastikan tiada tempat yang boleh menakung air seperti tin kosong, tayar terbuang dan sebagainya di kawasan rumah mahupun persekitaran kita.

“Sekiranya kawasan kita bersih, sudah pasti nyamuk aedes tidak dapat membiak di kawasan kita,” tambahnya lanjut.

Turut serta ialah Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman Dayang Sofiana.